

22 AUG 1999

PAS TETAP SIFATKAN LAWATAN PM KE CHINA MUSLIHAT PILIHAN RAYA

GUA MUSANG, 22 Ogos (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Fadzil Noor tetap menyifatkan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke China sebagai muslihat pilihan raya bagi meraih sokongan masyarakat Cina di negara ini.

Katanya keakraban hubungan antara Dr Mahathir dan Presiden China Jiang Zemin akan dijadikan bahan kempen pilihan raya oleh kerajaan untuk menunjukkan pemimpin-pemimpin China turut menyokong kepimpinan Dr Mahathir.

"Kalau tidak ada kaitan dengan pilihan raya kenapa Dr Mahathir tidak pergi melawat China enam bulan yang lalu," katanya ketika berucap pada majlis ceramah di Felda Ciku 3 di sini, malam tadi.

Semalam, Dr Mahathir menolak sebarang tanggapan lawatannya ke republik itu tidak mempunyai kaitan dengan pilihan raya tetapi untuk meraikan ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik antara Malaysia-China yang sedia erat terjalin.

Perdana Menteri berkata lawatannya itu telah lama dirancang.

Fadzil juga berkata kegagalan Dr Mahathir mengambil berat nasib orang Melayu menyebabkan sokongan orang Melayu terhadap beliau berkurangan sehingga terpaksa meraih sokongan masyarakat Cina dengan cara menjalin hubungan baik dengan pemimpin Republik Rakyat China.

Katanya pilihan raya umum sudah terlalu hampir dan beliau meminta rakyat supaya memberi tempoh dua bulan sahaja lagi kepada Dr Mahathir untuk memerintah negara.

"Kita beri tempoh kepada Dr Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri hanya dua bulan lagi dan selepas pilihan raya diadakan rakyat mesti menjatuhkan Dr Mahathir," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI